

E D I S I H A R I R A Y A 2 0 2 3

E-BULETIN

EDISI 12

EB BSN
TERBAIK
TERENGGANU

Salam Aidilfitri

5 TIP
URUS KEWANGAN
DENGAN BIJAK



WAKAF
PEYATIM
KOMISEN
SEHINGGA 4%

PERADUAN
SELFIE RAYA

PRODUK &
KEMPEN BSN
GANJARAN
UNTUK ANDA

EDISI HARI RAYA 2023

KANDUNGAN

3 Kata-Kata
Ketua Jabatan

4 Hari Raya Aidilfitri
EB BSN

5 Cerita
EB BSN

6 Info Am
EB BSN

8 Tips &
Panduan

10 Mesej
Keselamatan

11 Ucapan Hari
Raya **EB BSN**

12 Promosi

13 Program
& Aktiviti

14 Peraduan
EB BSN





Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin

Semakin menghampiri sambutan yang penuh kegembiraan Hari Raya Aidilfitri, saya ingin mengucapkan selamat Hari Raya dan terima kasih yang kepada semua EB BSN yang menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Hari Raya Aidilfitri adalah waktu di mana kita memaafkan, bersyukur, dan merayakan bersama keluarga dan sahabat.

Ia adalah masa untuk merenungkan nikmat dalam hidup kita dan memberikan penghargaan kepada mereka yang memberi impak positif dalam hidup kita.

Bagi pihak Bank Simpanan Nasional, kami ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kesetiaan kepada kami. Kami akan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik.



Zarida Jean Binti Noordin,
Ketua Deposit & Pembayaran, BSN

Kami yakin bahawa rangkaian EB BSN akan terus berkembang dan memberi lebih banyak kemudahan dan aksesibiliti kepada pelanggan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri yang penuh berkat dan kegembiraan kepada semua. Marilah kita terus menyebarkan kebaikan, kasih sayang, dan kegembiraan kepada orang di sekeliling kita, dan semoga sambutan Hari Raya tahun ini menjadi lebih bermakna.

EB BSN memainkan peranan penting dalam membolehkan pelanggan di kawasan pedalaman dan terpencil mengakses perkhidmatan perbankan.

Semasa sambutan Hari Raya, ramai orang akan mengambil kesempatan untuk memberi dan menerima “duit raya”, yang merupakan hadiah wang yang diberikan kepada kanak-kanak dan remaja. Tradisi ini adalah cara untuk berkongsi berkat dan menyebarkan kegembiraan semasa musim perayaan.

Pada musim perayaan Hari Raya, EB BSN memainkan peranan penting dalam membolehkan pelanggan di kawasan pedalaman dan terpencil mengakses perkhidmatan perbankan. Semasa waktu ini permintaan untuk pengeluaran tunai dan pemindahan wang dan perkhidmatan lain akan meningkat kerana orang memerlukan duit atau ingin membuat transaksi perbankan lain.

2 Hias premis perniagaan anda:

Hiasi premis anda dengan hiasan perayaan seperti ketupat, lampu dan banner dengan ucapan perayaan. Ini akan mencipta suasana perayaan yang akan menarik minat pelanggan.

4 Berikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang:

Pastikan perkhidmatan anda adalah terbaik semasa musim perayaan. Ini akan mencipta pengalaman yang positif kepada pelanggan dan meningkatkan kemungkinan mereka akan menggunakan perkhidmatan anda lagi di masa akan datang.

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

Rangkaian EB BSN yang terletak di kawasan pedalaman ini memberi akses yang mudah kepada pelanggan membuat transaksi perbankan tanpa perlu pergi jauh ke cawangan bank.

Kami kongsikan tip-tip untuk melakukan penjualan semasa musim perayaan.

1 Tawarkan promosi yang menarik:

Cipta promosi yang menarik minat pelanggan semasa musim perayaan. Contohnya, tawarkan diskaun atau pulangan tunai bagi transaksi yang dibuat dengan kad debit atau kredit BSN semasa musim perayaan.

3 Gunakan media sosial:

Gunakan media sosial untuk mempromosikan produk / perkhidmatan anda dan berinteraksi dengan pelanggan.

Semoga dengan mengamalkan tip-tip ini, in-sha-Allah boleh membantu meningkatkan jualan semasa musim perayaan dan boleh memberikan pengalaman positif kepada pelanggan.





**“
kita perlu sentiasa
berfikiran positif, bekerja
dalam satu pasukan dan
jangan mudah berputus asa.”**

Mohd Basharuddin bin Mohd Saad, berumur 57 tahun, menjalankan perniagaan stesen minyak Petronas di Kuantan, Pahang.

Beliau telah menjadi Ejen Bank BSN sejak tahun 2012. Mengambil peluang untuk menjadi EB BSN kerana dapat melihat perkhidmatan EB BSN yang ditawarkan oleh BSN sangat baik untuk stesen minyak miliknya.

Perkhidmatan EB BSN yang ditawarkan dapat menambah pendapatan perniagaannya. Bukan itu sahaja, dengan adanya perkhidmatan EB BSN di kedai, ia dapat memberi kemudahan kepada penduduk sekitar untuk membuat transaksi perbankan kerana sambil meraka mengisi minyak di stesen, mereka boleh juga membuat transaksi perbankan seperti pengeluaran wang segera atau membayar bil.

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

Banyak perubahan telah berlaku terhadap perniagaan saya setelah 12 tahun menjadi EB BSN seperti pelanggan semakin ramai yang datang ke kedai saya dan perniagaan saya bertambah maju.

Banyak langkah-langkah yang telah beliau lakukan bagi menarik minat pelanggan untuk membuat transaksi perkhidmatan EB BSN di premis kedai antaranya seperti:

1. Memaklumkan tentang perkhidmatan EB BSN kepada semua pelanggan yang datang ke kedai saya
2. Melatih kakitangan supaya mereka mahir dalam mengendalikan mesin POS dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.
3. Aktif dalam menyampaikan maklumat tentang perkhidmatan EB BSN di media sosial miliknya seperti Facebook, Instagram, TikTok dan lain-lain.

Menurut beliau, dalam menjalankan perniagaan ini kita perlu sentiasa berfikiran positif, bekerja dalam satu pasukan, bersemangat untuk melaksanakannya dan jangan mudah berputus asa. Kejayaan pasti dalam genggaman!

Carta EB BSN Prestasi Terbaik

EB BSN

	JOHOR MYBILL SDN. BHD. (NUSA BISTARI)		SARAWAK SERENA ENTERPRISE
	TERENGGANU ANZ BERKAT MAJU ENTERPRISE		PAHANG BASHARUDDIN ENTERPRISE
	JOHOR FIRST MART TRADING SDN BHD		PERAK PANDA MARKETING ENTERPRISE
	SARAWAK FOOK ANN ENTERPRISE		PERAK G ONE ACCESSORIES
	KEDAH / PERLIS 75 TC SMART ENTERPRISE		TERENGGANU SRI BEKOK TRADING



Perkhidmatan Baharu EB BSN – WAKAF PEYATIM

Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) sebuah pertubuhan kebajikan peringkat kebangsaan yang kini menaungi 65 Pertubuhan Ahli Gabungan. PEYATIM menggalas tanggungjawab berperanan membela Nasib anak yatim dengan memberi pendidikan sempurna demi


kelangsungan kehidupan masa depan mereka, juga bekalan dan amalan untuk sebuah kematian.

Bagi merealisasikan peranan PEYATIM ini, BSN telah menambah perkhidmatan di dalam EB BSN untuk urusan

Wakaf. Pelanggan kini boleh membuat transaksi Wakaf PEYATIM melalui EB BSN.

Komisen yang bakal diterima oleh EB BSN adalah sebanyak 4% bagi setiap transaksi yang berjaya.

Cara-Cara Pengeluaran Tunai Dengan Kad BSN



Arahan:

1. Tekan butang 1 untuk BSN Kad
2. Tekan butang 2 untuk Pengeluaran
3. Masukkan MyKad
4. Pengesahan nombor KP dan Nama
5. Letak jari kanan pelanggan untuk pengesahan
6. Tekan butang Pengguna
7. Pengesahan maklumat. Pastikan butir-butir MyKad sama dengan imbasan jari
8. Keluarkan MyKad
9. Masukkan Kad BSN
10. Masukkan PIN
11. Masukkan amaun – butang 0 untuk RM100, butang 1 untuk RM200, butang 2 untuk amaun lain
12. Pengesahan nombor KP dan amaun
13. Terminal akan paparkan “MENYAMBUNG”
14. Terminal akan paparkan “MENERIMA”
15. Resit akan dicetak
16. Terminal akan paparkan “KELUARKAN KAD”





5 Cara Urus Kewangan dengan Bijak Sempena Hari Raya

#1 Baju Raya

Tetapkan had belanja untuk setiap baju. Contohnya RM100 hingga RM150 diperuntukkan untuk baju raya dewasa dan RM60 hingga RM70 untuk baju raya kanak-kanak. Walau bagaimanapun, bajet ini boleh dikecilkkan lagi seperti menggunakan baju raya lama yang masih baik mengikut kemampuan anda. Yang paling penting, baju raya yang dibeli mestilah sesuai untuk dipakai lebih dari sekali supaya tidak dibazirkan.

#2 Kuih Muih dan Ketupat Rendang

Tak sah lah raya bila tak ada ketupat rendang dan kuih-muih. Walau bagaimanapun, mana satu yang lebih jimat, buat sendiri atau beli? Sekiranya anda inginkan kuih raya dalam kuantiti yang banyak, lebih jimat jika dibuat sendiri. Kalau sekadar inginkan dalam kuantiti yang sedikit, beli di pasaraya lebih jimat. Ini juga terpakai untuk makanan-makanan raya yang lain seperti ketupat, rendang, lemang dan bermacam-macam lagi.

#3 Bagi Duit Raya Ikut Kemampuan

Ini juga merupakan satu dilema. Berapa duit raya yang perlu diberi? Amalan memberi duit raya adalah amalan yang baik kerana dalam Islam sendiri amat digalakkan untuk bersedekah. Namun, anda disarankan untuk memberi duit raya mengikut kemampuan sendiri.

#4 Elak Guna Kad Kredit


Bagi perbelanjaan raya, anda dinasihatkan untuk mengelakkan penggunaan kad kredit. Ini kerana anda akan cenderung untuk berbelanja mengikut nafsu dan bukan dalam bajet raya yang sesuai. Jika tidak, anda terpaksa menanggung bil hutang kad kredit yang tinggi kemudian hari. Meskipun raya adalah perayaan setahun sekali, jadi elakkan diri daripada berhutang.

#5 Dana Kecemasan

Bukan sahaja perlu disediakan untuk keperluan harian, tetapi bajet raya anda juga memerlukan dana kecemasan. Misalnya, jika anda dalam perjalanan pulang ke kampung halaman dan kenderaan anda meragam atau kereta mati tepi jalan. Dana kecemasan ini boleh digunakan untuk membaiki kenderaan tersebut.

Kesimpulan

Akhir kata, raya boleh dinikmati dalam keadaan bersederhana tanpa perlu mengeluarkan duit yang banyak. Pastikan anda masih mempunyai duit selepas hari raya. Selamat Hari Raya!



Jana Sales Untuk Perniagaan Anda Melalui Facebook Live

Kini, ramai orang jual barang, produk, dan perkhidmatan di Facebook dengan menggunakan fungsi FB Live.

Ini adalah cara pemasaran produk di FB yang amat popular sekarang sebab trend video makin meningkat dalam kalangan pengguna media sosial.

Siaran Live di FB memang mudah dan mampu jana jualan yang banyak untuk perniagaan anda.

Anda hanya perlukan telefon pintar dan tripod untuk membuat video Facebook Live pertama anda.

Sebelum membuat siaran Live di FB, sila pastikan bahawa anda ada:



Capaian Internet yang laju



Penolong untuk standby bagi menjawab sebarang soalan/komen di ruangan komen video Live anda



Tripod yang stabil untuk telefon pintar anda

Nak tarik penonton untuk siaran FB Live anda? Gunakan tips ini:

Buat pengumuman awal di Facebook mengenai siaran Live anda supaya penonton anda boleh bersedia dan mengosongkan jadual mereka untuk mengikuti siaran anda

Tambah penerangan yang menarik supaya penonton anda tahu apa yang anda ingin jual

Minta penonton anda untuk Like, Share, dan Follow page Facebook anda

Libatkan penonton anda dalam Live anda dengan memberi maklum balas kepada sesiapa yang komen pada video anda

Tamatkan siaran anda dengan CTA (Call To Action), iaitu arahan yang diberikan kepada penonton anda mengenai sebarang tindakan susulan yang anda ingin mereka lakukan seperti: "PM saya untuk maklumat lanjut", "sila ikuti kami untuk video seterusnya", dan lain-lain lagi

AWAS!

SENTIASA BERWASPADA DENGAN SCAM E-DAGANG



Terlalu banyak laman e-dagang palsu yang selalu muncul di skrin anda. Gunakan laman e-dagang yang diperakui kesahihannya. Penularan aktif scammer dalam talian terutamanya di platform media sosial semakin berleluasa.

Berhati-hati selalu.

Gambar sekadar ilustrasi

Ucapan Hari Raya daripada EB BSN

"Tangan dihulur maaf dipinta,
Erat hubungan sesama kita,
Semoga gembira di hari yang mulia,
Salah dan silap maaf sesama.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin"

EB BSN Indah Bunian Enterprise, Melaka



"Gemersik takbir mengundang tiba,
Salam diutus tanda ingatan,
Syawal dinanti menjelang tiba,
Salam diutus pohon kemaafan.

Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin

EB BSN Selangor



"Semoga kegembiraan dicipta bersama kami di musim perayaan tahun ini.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin"

EB BSN Nurul Ayu Azmi, Pahang



Ucapan Hari Raya daripada EB BSN

"Let us celebrate the festival of Hari Raya with high spirits to make it the most special memory to cherish for life. Happy Hari Raya. Wishing a very Happy Hari Raya to you. May your life is full of colours of blessings, happiness and good fortune."

Jabatan Deposit & Pembayaran, BSN



Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, malah semua EB BSN juga boleh mendapat manfaatnya seperti mendapat komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan serta anda berpeluang untuk memenangi hadiah menarik yang ditawarkan melalui kempen yang sedang berjalan.



Pendigitalan bersama BSNeBiz

Peluang menangi ganjaran tunai melalui transaksi **BSNeBiz!**

Tempoh Kempen: 1 Februari 2023 – 31 Julai 2023

[Katalok iklah lengkap](#)
Dapatkan maklumat lanjut. Terbatas pada termasuk dalam syarat.

Urusan perniagaan anda akan lebih mudah apabila menggunakan BSNeBiz. Hanya urus secara dalam talian untuk menggunakan ciri-ciri Pengurusan Akaun, RENTAS, Pembayaran Pukal, Bayaran Badan Berkanun, Auto Sweeping dan banyak lagi. Daftar BSNeBiz sekarang dan anda boleh sertai kempen BSNeBiz untuk peluang menangi ganjaran tunai sehingga RM1,000!

Kekalkan keriangan tradisi Raya, lebih beria-ia bersama Kad BSN!

Peluang menang pelbagai hadiah dengan perbelanjaan minimum RM150 dengan Kad BSN Visa.

Tempoh kempen: 1 Mac 2023 - 31 Mei 2023

[Katalok iklah lengkap](#)
Dapatkan maklumat lanjut. Terbatas pada termasuk dalam syarat.

Pelanggan anda boleh menggunakan Kad BSN Visa untuk berbelanja atau membuat transaksi di premis anda. Galakkan pelanggan menggunakan Kad BSN Visa minimum RM150 supaya berpeluang menangi hadiah menarik yang ditawarkan.

Akaun simpanan paling **WOW** dengan **JUTAAN** ganjaran

Hadiah bernilai **RM27 juta** untuk lebih 18,000 pemenang!

Kempen tamat: 31 Disember 2023

[Katalok iklah lengkap](#)
Dapatkan maklumat lanjut. Terbatas pada termasuk dalam syarat.

Pelanggan anda boleh buka dan tambah simpanan BSN SSP di premis anda dan mereka berpeluang untuk memenangi cabutan jutawan bernilai RM1 juta. Promosikan berita hebat ini kepada pelanggan anda dan pada masa yang sama dapat meningkatkan transaksi BSN SSP di premis anda.



EB BSN Amni Wahyuni



EB BSN Normaziah Enterprise



EB BSN Mini RTC Kompleks Penghulu Bukit Kepong

Pemenang Peraduan Cari Perkataan & Menang.

Tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah menghantar penyertaan untuk peraduan Cari Perkataan & Menang pada edisi buletin yang lepas.

Pemenang tempat pertama adalah EB BSN Amni Wahy-

uni, tempat kedua EB BSN Mini RTC Kompleks Penghulu Bukit Kepong, dan tempat ketiga EB BSN Normaziah Enterprise.

Pemenang-pemenang telah menerima hadiah berupa BSN SSP bernilai RM300 untuk tem-

pat pertama, RM200 tempat kedua dan RM100 bagi tempat ketiga.





Kongsikan gambar Selfie Raya anda yang paling menarik dan berpeluang memenangi BSN SSP bernilai sehingga **RM300!**

Hadiyah Pertama
BSN SSP RM300
X 1 pemenang

Hadiyah Kedua
BSN SSP RM200
X 1 pemenang

Hadiyah Ketiga
BSN SSP RM100
X 1 pemenang

Bagaimana untuk menyertai? Mudah sahaja! Ikuti langkah berikut:

1

Ikuti akaun Facebook dan Instagram BSN Malaysia

2

Muat naik gambar selfie Raya paling menarik anda ke dalam akaun Facebook / Instagram anda

3

Sertakan hashtag
#SelfieRayaEBBSN2023
#RayaSesamaNak
#BSNMalaysia

4

Tiga (3) Ejen Bank yang kongsikan gambar paling menarik berpeluang memenangi BSN SSP bernilai sehingga RM300.

Tarikh akhir penyertaan adalah pada 20 Mei 2023

Pemilihan pemenang akan dibuat di akhir tempoh peraduan. Senarai pemenang akan diumumkan dalam buletin EB BSN pada edisi akan datang.

**Selamat
Hari Raya
Aidilfitri**